

# Rai detik indah perkahwinan menaiki MRT

➔ Penolong Pengarang Berita BH Online dibawa ke Surian

Oleh Haryani Ngah  
aryani@bh.com.my

► Sungai Buloh

**P**enolong Pengarang Berita BH Online, Saufi Hamzah, meraikan saat bahagiannya bersama isteri, Rohana Shaib, menjadi pasangan pengantin pertama menaiki Mass Rapid Transit (MRT) yang mula ber-

operasi semalam.

“Secara kebetulan tarikh nikah saya jatuh pada hari pertama MRT beroperasi.

“Hasil perbincangan dengan rakan sekerja sewaktu membuat sipsipan pelancaran MRT, mereka mencadangkan saya mengabadikan detik bersejarah dengan menaiki MRT.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada Pengarah Komunikasi



**Saufi, isteri dan ahli keluarga menaiki MRT di Stesen MRT Sungai Buloh.**

Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Datuk Najmuddin Abdullah, yang bersetuju dengan idea ini dan memberi kebenaran kepada saya dan keluarga meraikan perkahwinan dalam MRT.

## Detik bersejarah

“Detik ini akan menjadi sejarah buat saya dan isteri,” katanya yang

turut menerima cenderahati kad Touch n Go daripada MRT Corp.

Pasangan itu melangsungkan pernikahan pagi semalam, di Pejabat Agama Islam Daerah Petaling dan menaiki MRT bersama ahli keluarga kira-kira jam 3 petang, bermula di Stesen MRT Sungai Buloh sehingga Surian untuk diraikan. Perkahwinan ini adalah kali kedua buat Saufi dan Rohana.

Saufi sebelum ini bergelar bapa

tunggal selepas kematian isteri, Zam Zam Md Isa, tiga tahun lalu dan mempunyai tiga orang anak perempuan, Nur Iqlima, 21, Nur Balqis 19 dan Nur Qystina, 13, sementara, Rohana, ibu tunggal mempunyai dua orang.

Saufi mengenali Rohana setahun lalu apabila masing-masing bermain boling di lorong bersebelahan pada Pertandingan Boling Majlis Perbandaran Klang.